



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

RUANG DAN MEMORI DALAM KOREOGRAFI: KAJIAN TERHADAP KARYA TARI *SITE- SPECIFIC* OLEH KOREOGRAFER TERPILIH DI MALAYSIA

NURULAKMAL BINTI ABDUL WAHID



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

RUANG DAN MEMORI DALAM KOREOGRAFI: KAJIAN TERHADAP KARYA TARI *SITE- SPECIFIC* OLEH KOREOGRAFER TERPILIH DI MALAYSIA

oleh



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NURULAKMAL BINTI ABDUL WAHID

**Tesis ini diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Oktober 2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya mengakui bahawa tesis yang saya tulis ialah sebenar-benarnya merupakan hasil kerja ilmiah saya. Ia bukanlah merupakan penipuan daripada tesis atau karya ilmiah orang lain, atau mana-mana pihak. Nukilan dan data sekunder yang saya peroleh untuk keperluan penulisan tesis telah saya tuliskan dalam rujukan.

Demikian pengakuan ini saya buat dengan sebenarnya.

Oktober 2021

Nurulakmal binti Abdul Wahid





PENGHARGAAN



Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dapat menyempurnakan kajian dan penulisan ini. Rakaman terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa saya, Saptuyah binti Bujang dan Abdul Wahid bin Haji Mahidi yang menjadi tulang belakang saya. Tidak lupa juga secebis penghargaan dan sekalung terima kasih kepada dua orang penyelia saya, YBhg. Dr. Mumtaz Begum Aboo Backer dan YBhg. Prof. Madya Dr. Muhizam Mustafa yang sentiasa menasihati, menunjuk ajar dan membantu saya dalam proses menyelesaikan disertasi ini. Mereka tidak pernah mengeluh dan sentiasa positif sepanjang membimbing saya. Saya amat menghargai segala ilmu pengetahuan yang diberikan selama tempoh pengajian ini. Selain itu, tidak lupa juga kepada adik-beradik saya, Safiyaton Abdul Wahid, Johaniza Abdul Wahid, Abu Kassim Abdul Wahid, Mohd. Hafsan Abdul Wahid dan Khairil Mizuar Abdul Wahid yang sentiasa menyokong dan mendoakan kejayaan saya.

Di samping itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat atas ilmu, nasihat, tunjuk ajar, kerjasama, sokongan dan semangat yang telah diberikan sepanjang tempoh saya menyiapkan kajian ini, terutamanya kepada enam orang informan utama saya, iaitu Aida Redza, Lee Ren Xin, Azura Abal Abas, Rithaudin Abdul Kadir, Rathimalar Govindarajoo dan Chai Vivan. Segala pengalaman dan informasi yang dikongsi sangat saya hargai. Penghargaan ini juga ditujukan kepada informan lain yang terdiri daripada aktivis tari, koreografer, pensyarah tari dan penari yang terlibat dalam persembahan tari *site-specific*. Akhir sekali, saya juga bersyukur kerana dikelilingi





oleh sahabat-sahabat yang sentiasa menyokong dan memberi semangat dalam menempuh perjalanan pengajian ini. Penghargaan ini turut diberikan kepada En. Sharean Eh Suk, Dr. Muhammad Faisal Ahmad, Pn. Nur Nabila Michael Luang Abdullah, Pn. Lim Siew Ling, Cik Shahida Kamel, Cik Bilqis Hijjas, Pn. Nur Hilyati Ramli, En. Abdul Hamid Chan, En. Leng Poh Gee, En. Hafzan Zannie Hamza, En. Zolkipli Abdullah dan En. Shapee Embi.

Pulau Pinang, Oktober 2021

Nurulakmal binti Abdul Wahid





ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	iii
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
ABSTRAK	xiv
ABSTRACT	xvi
BAB 1 PENDAHULUAN.....	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Definisi dan Istilah	5
1.3 Penyataan Masalah.....	14
1.4 Persoalan Kajian	20
1.5 Objektif Kajian	22
1.6 Skop Kajian	25
1.7 Kepentingan Kajian	29
1.8 Organisasi Tesis.....	30
BAB 2 KAJIAN LITERATUR.....	32
2.1 Pengenalan	32
2.2 Istilah Persembahan <i>Site-Specific</i>	32
2.3 Latar Belakang Persembahan Tari <i>Site-Specific</i>	36
2.4 Ruang dalam Koreografi <i>Site-Specific</i>	87
2.5 Memori dalam Koreografi <i>Site-Specific</i>	90
2.6 Kaedah dalam Proses Koreografi <i>Site-Specific</i>	93
2.7 Kerangka Teori.....	96
2.8 Kerangka Konseptual	101
2.9 Rumusan	103
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	105



3.1	Pengenalan	105
3.2	Reka Bentuk Kajian	105
3.3	Metodologi Kajian	108
3.4	Rumusan	137
BAB 4	RUANG DAN MEMORI DALAM KOREOGRAFI	139
4.1	Pengenalan	139
4.2	Koreografi dan Elemen Koreografi	140
4.3	Eksplorasi, Improvisasi dan Komposisi Tari	150
4.4	Ruang dalam Koreografi <i>Site-Specific</i>	162
4.5	Memori dalam Koreografi <i>Site-Specific</i>	174
4.6	Proses Koreografi <i>Site-Specific</i>	181
4.7	Rumusan	188
BAB 5	ANALISIS KARYA TARI <i>SITE-SPECIFIC</i>	190
5.1	Pengenalan	190
5.2	Aida Redza	192
5.3	Lee Ren Xin	212
5.4	Azura Abal Abas	233
5.5	Rithaudin Abdul Kadir	249
5.6	Rathimalar Govindarajoo	263
5.7	Chai Vivan	278
5.8	Perbincangan	293
5.9	Rumusan	304
BAB 6	KESIMPULAN DAN CADANGAN	306
6.1	Kesimpulan	306
6.2	Implikasi Kajian terhadap Koreografi <i>Site-Specific</i>	313
6.3	Implikasi Kajian dalam Pendidikan	316
6.4	Cadangan Kajian Lanjutan	319
	BIBLIOGRAFI	322



LAMPIRAN

SENARAI PENERBITAN



**SENARAI JADUAL****Halaman**

Jadual 3.1	Senarai informan bagi kajian.....	111
Jadual 3.2	Senarai responden dalam kalangan aktivis tari dan para penari. ..	133
Jadual 3.3	Kategori soalan temu bual.....	133
Jadual 5.1	Karya tari site-specific yang dikaji.	190
Jadual 5.2	Ahli produksi River Meets Lights (2011).....	193
Jadual 5.3	Ahli produksi Bridges & Kaki Lima (2013).	200
Jadual 5.4	Lokasi persembahan karya Bridges & Kaki Lima.....	201
Jadual 5.5	Ruang dan memori dalam karya Aida Redza.....	210
Jadual 5.6	Koreografer dan penari yang terlibat.	222
Jadual 5.7	Ruang dan memori dalam karya Lee Ren Xin.	231
Jadual 5.8	Koreografer dan penari yang terlibat.	234
Jadual 5.9	Koreografer dan penari yang terlibat.	241
Jadual 5.10	Ruang dan memori dalam karya Azura Abal Abas.	247
Jadual 5.11	Koreografer, penari dan sinopsis karya.....	250
Jadual 5.12	Koreografer dan pemuzik yang terlibat.	256
Jadual 5.13	Ruang dan memori bagi karya Rithaudin Abdul Kadir.	261
Jadual 5.14	Koreografer dan sinopsis karya.....	263
Jadual 5.15	Koreografer dan penari yang terlibat.	270
Jadual 5.16	Ruang dan memori dalam karya Rathimalar Govindarajoo.	275
Jadual 5.17	Koreografer dan penari yang terlibat.	278
Jadual 5.18	Koreografer dan penari yang terlibat.	284
Jadual 5.19	Ruang dan memori dalam karya Chai Vivan.....	291
Jadual 5.20	Tiga faktor yang mempengaruhi proses karya.	294
Jadual 5.21	Jumlah dan proses yang digunakan dalam menghasilkan koreografi site-specific bagi setiap koreografer.....	296





SENARAI RAJAH

Halaman

Rajah 1.1	<i>Bridges & Kaki Lima</i> (2013).....	10
Rajah 1.2	Kerangka Kajian Koreografi <i>Site-specific</i>	24
Rajah 1.3	Empat kategori lokasi bagi persembahan <i>site-specific</i>	27
Rajah 2.1	<i>Model of site-specificity</i> (Wrights and Sites oleh Wilkie 2002). [Sumber: Hunter (2009)].....	34
Rajah 2.2	Kronologi kemunculan persembahan <i>site-specific</i> (1950-1960).	48
Rajah 2.3	Perkembangan persembahan tari <i>site-specific</i> di Barat (1970- 1990).	58
Rajah 2.4	Perkembangan persembahan tari <i>site-specific</i> di Barat (2000-kini).	65
Rajah 2.5	Kronologi kemunculan persembahan tari <i>site-specific</i> di Malaysia.	71
Rajah 2.6	Kemunculan koreografer <i>site-specific</i> pada era 1994-1999 di Malaysia.	77
Rajah 2.7	Kemunculan koreografer <i>site-specific</i> di Malaysia (2009–2019).....	81
Rajah 2.8	Perkembangan persembahan tari <i>site-specific</i> dalam festival seni di Malaysia.	86
Rajah 2.9	Proses memori dalam pendekatan psikologi.....	90
Rajah 2.10	<i>Model of Influence</i> : Perhubungan antara lokasi dengan proses kreatif [(Sumber: Hunter (2009))].	95
Rajah 2.11	<i>Stages of Performance Work</i> [Sumber: Hunter (2005)].	96
Rajah 2.12	Memori dalam koreografi <i>site-specific</i> menggunakan pendekatan memori input dan output berpanduan olahan pengkaji.	99
Rajah 2.13	Konstruksi ruang dan memori melalui proses eksplorasi dan improvisasi.	100
Rajah 2.14	Kerangka Konseptual Kajian	102
Rajah 3.1	Pembahagian informan mengikut kata kunci soalan temu bual.	111
Rajah 3.2	Aida Redza dalam karya <i>Moved By Padi</i> (2016).....	115





Rajah 3.3	Lee Ren Xin di Dancing in Place (2018)	117
Rajah 3.4	Azura Abal Abas dalam karya <i>Sacred Seven</i> 2016	121
Rajah 3.5	Rithaudin Abd. Kadir dalam karya <i>My Alay</i> (2017).....	125
Rajah 3.6	Rathimalar dalam karya <i>Quintessence</i> (2009)	129
Rajah 3.7	Chai Vivan dalam karya <i>Faux</i> (2017)	132
Rajah 3.8	Aliran Kaedah Kajian.....	138
Rajah 4.1	Elemen-elemen koreografi	141
Rajah 4.2	Komponen yang terdapat dalam elemen sinografi.....	148
Rajah 4.3	Tiga proses yang digunakan dalam proses koreografi.....	151
Rajah 4.4	Karya Pinwheel Oleh Kathryn Tan Di Dancing In Place 2017 Di Rimbun Dahan (Sumber Nazir Azhari).....	153
Rajah 4.5	Proses eksplorasi melalui pelbagai bentuk	154
Rajah 4.6	Karya Vessel oleh Mike Hornblow, Ploy Kasama, Benjamin Allen dalam program MaPFEST (2017).	159
Rajah 4.7	Kaedah pemilihan material dan elemen dalam proses komposisi [Sumber: Autard (2004)].	161
Rajah 4.8	Elemen-elemen yang menyokong penggunaan ruang dalam proses koreografi.....	163
Rajah 4.9	Lokasi Persembahan <i>City of Entertainment</i> (2018) di Sungai Klang, Kuala Lumpur.....	167
Rajah 4.10	Lokasi Persembahan <i>River Meets Light</i> (2011) di Prangin Canal, George Town.....	167
Rajah 4.11	Lokasi Persembahan <i>Asing-Asing</i> (2015) di Galeri Seni Bawah Tanah Rimbun Dahan.	168
Rajah 4.12	Lokasi Persembahan <i>The Travellers</i> (2018) di Masjid Kuala Lumpur	168
Rajah 4.13	Lokasi Persembahan <i>Sang Kancil</i> (2018) di perkarangan St. Paul Church, Melaka	169
Rajah 4.14	Lokasi Persembahan <i>Pallavi</i> (2017) di dalam St. Paul Church, Melaka	169



Rajah 4.15	Lokasi Persembahan <i>Faux</i> (2017) di Arca Sakinah di Rimbun Dahan.....	170
Rajah 4.16	Lokasi Persembahan <i>River Meet Light</i> (2011), <i>Plastic Installation</i> di Sia Boey Market	170
Rajah 4.17	Model memori Atkinson & Shiffrin (1968).....	175
Rajah 4.18	Konstruksi ruang dalam koreografi <i>site-specific</i>	185
Rajah 4.19	Proses konstruksi memori dalam koreografi <i>site-specific</i>	187
Rajah 5.1	Prangin Canal (Sumber: Lisa Foo).....	194
Rajah 5.2	Tujuh proses koreografi <i>site-specific</i> karya <i>River Meets Light</i> 2011.	195
Rajah 5.3	<i>Plastic Creatures</i> oleh Lisa Foo.	198
Rajah 5.4	Lokasi riadah terbaharu di George Town yang dahulunya merupakan pasar basah Sia Boey (Sumber: The Star Online).	199
Rajah 5.5	Persembahan <i>site-specific</i> oleh Ijat dan Hilyati di Lebuhr Pantai (Sumber: Ch'ng Oon Tian).	202
Rajah 5.6	Persembahan <i>site-specific</i> di Lebuhr Melayu, George Town, Pulau Pinang (Sumber: Lucia Lai).....	206
Rajah 5.7	Tujuh proses koreografi <i>site-specific</i> karya <i>Bridges & Kaki Lima</i> (2013).	207
Rajah 5.8	Lokasi persembahan karya <i>City of Entertainment</i>	215
Rajah 5.9	Lee Ren Xin dalam Karya <i>City of Entertainment</i> (2018).	218
Rajah 5.10	Lee Ren Xin dalam karya <i>City of Entertainment</i> (2018).	220
Rajah 5.11	Proses koreografi <i>site-specific</i> karya <i>City of Entertainment</i> (2018).	221
Rajah 5.12	Bahagian hadapan galeri seni di Rimbun Dahan.	223
Rajah 5.13	Bahagian tengah galeri seni di Rimbun Dahan.	224
Rajah 5.14	David Lim (berkaca hitam) dan Hui Min (baring) dalam karya <i>Asing-asing</i> yang dipersembahkan pada tahun 2015 (Sumber: Huneid Tyeb).	228
Rajah 5.15	Proses koreografi <i>site-specific</i> karya <i>Asing-asing</i> (B.E.D 2) yang dipersembahkan pada tahun 2015.....	229

Rajah 5.16	Karya <i>Sacred Seven</i> 2015 oleh Azura Abal Abas.....	236
Rajah 5.17	Proses koreografi <i>Sacred Seven</i> yang dipersembahkan pada tahun 2015.	240
Rajah 5.18	Lokasi persembahan karya <i>The Travellers</i>	242
Rajah 5.19	Air sungai telah naik ke tebing dan kepulan asap terhasil akibat hujan lebat di lokasi.	244
Rajah 5.20	Proses koreografi <i>The Travellers</i> (2018).	246
Rajah 5.21	Foo Chi Wei dalam karya <i>Dust to Dust</i>	251
Rajah 5.22	Lokasi persembahan karya <i>Dust to Dust</i> (2015).	252
Rajah 5.23	Proses koreografi <i>Dust to Dust</i> (2015).	255
Rajah 5.24	Kedudukan pokok besar di St. Paul Church, Melaka.	257
Rajah 5.25	Rithaudin dalam karya <i>Sang Kancil</i> (2018).	258
Rajah 5.26	Proses koreografi karya <i>Sang Kancil</i> (2018).	260
Rajah 5.27	Rathimalar dalam karya <i>Quintessence</i> (2009).	264
Rajah 5.28	Galeri studio kereta di Rimbun Dahan.	265
Rajah 5.29	Rathimalar dalam karya <i>Quintessence</i> (2009).	266
Rajah 5.30	Proses koreografi karya <i>Quintessence</i> (2009).	269
Rajah 5.31	Karya <i>Rebab</i> di Rimbun Dahan yang dipersembahkan pada tahun 2017.	271
Rajah 5.32	Penari UMa Dance Company dalam karya <i>Rebab</i> (2017).	272
Rajah 5.33	Proses koreografi <i>Rebab</i> (2017).	274
Rajah 5.34	Karya <i>Biji II</i> di Sakinah's Sculptor pada tahun 2010.	279
Rajah 5.35	Sakinah's <i>Sculpture</i>	280
Rajah 5.36	Proses koreografi karya <i>Biji II</i> (2010).	283
Rajah 5.37	Lokasi persembahan di Sakinah's Sculpture di Bulatan Plong, Rimbun Dahan.	285
Rajah 5.38	Penari lelaki menukarkan karakter penari wanita pada patung yang terletak ukiran arca Sakinah.	287
Rajah 5.39	Penari bersama-sama penonton dalam karya <i>Faux</i>	288



Rajah 5.40	Proses koreografi karya <i>Faux</i> yang dipersembahkan pada tahun 2017.	290
Rajah 5.41	Empat proses utama yang dipecahkan melalui 13 proses asal yang digunakan oleh enam orang koreografer.....	298
Rajah 5.42	Model Proses Koreografi <i>Site-specific</i>	300
Rajah 6.1	Beberapa petikan pemahaman dan pendapat tentang koreografi <i>site-specific</i>	307
Rajah 6.2	Tiga faktor mempengaruhi hubungan ruang dan memori dalam proses koreografi <i>site-specific</i>	310
Rajah 6.3	Pencapaian hasil kajian berdasarkan objektif kajian.....	312





RUANG DAN MEMORI DALAM KOREOGRAFI: KAJIAN TERHADAP KARYA TARI *SITE-SPECIFIC* OLEH KOREOGRAFER TERPILIH DI MALAYSIA

ABSTRAK

Fenomena persembahan *site-specific* di Malaysia semakin berkembang melalui anjuran program dan festival-festival seni. Pelbagai pemahaman istilah persembahan *site-specific* difahami yang dapat dilihat menerusi karya-karya yang dipersembahkan. Namun, dalam konteks yang lebih global, *site-specific* lebih tertumpu kepada lokasi khusus bagi sesebuah persembahan. Perbezaan pemahaman ini telah menyumbang kepada konsep koreografi dalam persembahan *site-specific*. Kelonggaran dalam pemahaman menstrukturkan persembahan *site-specific* telah memberikan kesan terhadap kualiti karya dan koreografi. Kajian ini mendukung objektif terhadap pemahaman istilah *site-specific* serta mengklasifikasikan perhubungan ruang dan memori dalam konteks koreografi *site-specific*. Tujuannya adalah untuk menganalisis penggunaan ruang dan memori dalam proses koreografi *site-specific*. Kajian ini turut memfokuskan perhubungan ruang dan memori sebagai elemen utama bagi membentuk koreografi melalui proses eksplorasi terhadap sesebuah lokasi. Penerokaan dalam proses koreografi ini melibatkan 12 karya tari yang dihasilkan pada tahun 2009 sehingga 2018 oleh enam orang koreografer tempatan. Pendekatan kaedah kualitatif diguna pakai dengan melibatkan proses pengumpulan data melalui protokol temu bual dan kajian lapangan. Analisis hasil kajian dilakukan dengan pendekatan *Stage of Performance Work* oleh Hunter (2005) dan Memori Input-Output oleh Herman Ebbinghaus (1962) dan diangkat oleh Baddeley (1997). Hasil kajian ini menyumbang kepada penstrukturan khusus terhadap koreografi *site-specific* di Malaysia yang melibatkan pembentukan model





proses koreografi sebagai panduan dalam proses persembahan, pengajaran dan pembelajaran di institusi pengajian tinggi serta di peringkat sekolah seni Malaysia.





SPACE AND MEMORY IN CHOREOGRAPHY: A STUDY OF SITE-SPECIFIC DANCE WORKS BY SELECTED CHOREOGRAPHERS IN MALAYSIA

ABSTRACT

The phenomenon of site-specific performance in Malaysia develops through organized art programs and festivals. Different interpretations of site-specific performance terms are understood to be viewed through the work performed. However, in the global context, site-specific is more focused on a specific location for a performance. The difference in understanding this term has contributed to the choreography concept in site-specific performance. The lack of understanding in structuring a site-specific performance has impacted the quality of works and choreography. This research carries out the objective of understanding the site-specific term and classifying the relationship between space and memory within the context of site-specific choreography. The purpose is to analyze the use of space and memory in the site-specific choreographic process. This study also focuses on the relationship between space and memory as the key element to form a choreography by exploring a location. The exploration in the choreographic process involves twelve dance works produced in 2009 until 2018 by six local choreographers. The qualitative approach applies by engaging the process of data collection through interview protocols and fieldwork. Analysis of the findings is conducted through the Stage of Performance Work approach by Hunter (2005) and the Memory Input-Output by Herman Ebbinghaus (1962) and appointed by Baddeley (1997). The findings contribute to a specific restructuring of site-specific choreography in Malaysia involving the composition of the choreographic model as a guide in the process of presentation, teaching, and learning in university and Malaysia arts school.





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Seni persembahan tari telah wujud sejak berabad lagi dalam setiap budaya masyarakat di seluruh dunia. Tari wujud dalam kehidupan setiap masyarakat melalui pelbagai fungsi seperti upacara ritual, penyembuhan penyakit, majlis kelahiran baharu, majlis kesyukuran, keramaian dan hiburan. Setiap fungsi tari tersebut mempunyai penggunaannya dan telah diperkembangkan dalam seni tari menjadi salah satu seni persembahan selain muzik dan teater. Terdapat pelbagai genre¹ tari, iaitu tari klasik, tari tradisional, tari etnik, tari rakyat (*social dance*), balet, moden, paska moden, kontemporari dan *avant grade*. Menurut Gonzales (2019), karya tari dikategorikan mengikut bentuk atau genre tari seperti tradisional, ritual, rakyat, hiburan, *hip hop*, kontemporari, *jazz*, Latin, balet, klasik dan sebagainya. Setiap genre tari telah berkembang mengikut aliran budaya, masa, pengamal serta kehidupan masyarakat yang mengamalkannya. Segelintir kumpulan masyarakat masih mengekalkannya dan menjadikannya seni persembahan, dan ada juga yang mengubahnya atau mengembangkannya menjadi persembahan baharu. Sebagai contohnya, terdapat juga kumpulan masyarakat telah memansuhkan atau membatasi mengikut kehendak agama. Sebagai contoh, persembahan Kuda Kepang di Johor Bahru melibatkan upacara ritual dan menjadi isu yang mengatakan bahawa aktiviti tari atau dramatari Kuda Kepang ini bercanggah dengan akidah dan syaria Islamiah

¹ Genre difahami sebagai kategori atau jenis karya sastra atau seni yang dicirikan dengan sesuatu gaya, bentuk atau kandungan tertentu.





(Syazuwan, 2017). Kini, Tari Kuda Kepang telah mengetepikan elemen ritual dan hanya dipersembahkan dalam konteks tari semata-mata.

Selain itu, tari kontemporari menjadi salah satu contoh genre tari yang berkembang dengan pesatnya. Perkembangan genre ini berlaku sangat cepat khususnya di Barat sehingga munculnya beberapa orang koreografer. Mereka ini telah mencuba idea dan konsep baharu dengan menghasilkan karya yang berkaitan dengan kehidupan seharian melalui satu genre baharu yang dipersembahkan di luar daripada pentas prosenium atau teater atau *blackbox* (Kloetzel dan Pavlik, 2009). Pementasan tersebut dipersembahkan di lokasi atau tapak khusus yang dikenali sebagai *site-specific performance* atau *site-specific dance works/choreography* (Kloetzel, 2017). Persembahan atau koreografi ini diadakan dan dihasilkan di *unusual space*². Kemunculan persembahan *site-specific* di Barat telah bermula sekitar tahun 1950-an di Black Mountain College dengan gabungan artis daripada pelbagai bidang, iaitu seni visual, koreografer, komposer dan arkitek (Kloetzel dan Pavlik, 2010). Istilah *site-specific* diguna pakai pada sekitar tahun 1960-an oleh artis-artis seni visual. Daripada perkembangan itu, muncul beberapa orang koreografer mula melibatkan diri dengan genre tari ini. Kebanyakannya bermula di Judson Dance Theatre³ sebagai penari dan perantis.

Seperti yang diketahui, seni tari mempunyai beberapa genre tari. Antaranya termasuklah tari klasik, tari tradisional, tari rakyat, tari etnik dan tari kontemporari. Menurut Kloetzel dan Pavlik (2009), *site-specific* merupakan salah satu genre tari,

² *Unusual space* terdiri daripada ruang persembahan yang bukan terdiri daripada pentas prosenium atau *blackbox* atau eksperimen teater. Ruang yang dimaksudkan adalah di galeri seni, muzium, gimnasium, perkarangan taman, sungai, stesen kereta api, lapangan terbang, bangunan bersejarah, bangunan persekutuan, lobi hotel, pusat beli-belah, lorong-lorong atau di jalanan dan banyak lagi.

³ Judson Dance Theatre merupakan sebuah organisasi tari yang ditubuhkan pada awal tahun 1960-an yang tidak terikat dan mengumpulkan karya-karya *avant-garde choreography* di Greenwich Village.





iaitu setiap karya tari *site-specific* yang dipersembahkan telah dapat berdiri sendiri dan dipersembahkan di sesebuah lokasi mengikut tema dan konsep yang diolah oleh seorang koreografer. Karya *site-specific choreography* di Barat terbentuk melalui tari kontemporari yang bersifat terkini dengan pelbagai teknik digunakan.

Di negara Asia, persembahan berbentuk *site-specific* telah wujud dalam persembahan tari tradisional dan juga tari rakyat. Sebagai contoh, persembahan tari tradisional Melayu dipersembahkan di perkarangan surau seperti zapin di Johor. Menurut Mohd Anis (2000), zapin merupakan suatu aktiviti riadah yang dilakukan secara bersahaja di rumah pengajian al-Quran atau dimainkan secara serius pada acara keramaian kampung seperti meraikan perkahwinan atau untuk sambutan hari-hari baik dalam kalendar Islam. Selain zapin, tari etnik Sabah, iaitu tari Sumazau mempunyai upacara ritual bagi pemujaan semangat padi yang dahulunya dipersembahkan di kawasan penanaman sawah padi. Hampir kesemua tari tradisional, tari etnik dan tari rakyat yang terdapat di Malaysia dipersembahkan di luar (*outdoor*) yang juga dikenali sebagai persembahan *site-specific*. Bukan sahaja di Malaysia, persembahan berbentuk *site-specific* telah lama wujud, terutamanya di negara Asia. Menurut Garcia (2018), persembahan *site-specific* bukan sebuah persembahan yang baharu di negara Asia dan merupakan salah satu keistimewaan dalam tari tradisional di Asia. Menurut Garcia, berdasarkan sejarah, persembahan tari etnik atau tari rakyat bermula daripada upacara ritual apabila persembahan dilakukan di luar bangunan atau teater. Contohnya, persembahan 'di bawah pokok'. Persembahan tradisi yang dipersembahkan dalam gaya *site-specific* oleh masyarakat di Asia merupakan persembahan yang mempunyai fungsi tertentu seperti upacara ritual, hiburan dan majlis perkahwinan. Berbeza dengan persembahan *site-specific* yang berbentuk tari kontemporari dihasilkan berdasarkan sebuah lokasi khusus yang dipilih oleh koreografer atau penganjur persembahan untuk dijadikan lokasi





persembahan. Karya dihasilkan berdasarkan sumber material daripada lokasi dan persekitarannya.

Kajian ini menyoroti proses koreografi *site-specific* di Malaysia dengan pendekatan kualitatif. Kajian ini meneliti karya tari *site-specific* yang dihasilkan oleh koreografer di Malaysia melalui persembahan *site-specific* di lokasi persembahan yang berbeza. Persembahan *site-specific* merupakan salah satu bentuk persembahan yang dilakukan di luar daripada pentas prosenium atau *blackbox*. Perkembangan karya tari *site-specific* juga telah menular dan berkembang di Malaysia pada era 1980-an (Gonzales, 2004). Tari *site-specific* merujuk persembahan tari di sebuah lokasi khusus dan persekitarannya dapat memberikan inspirasi dalam proses koreografi. Dengan kata lain, koreografi *site-specific* menggunakan ruang alternatif, contohnya dari longkang atau parit ke lobi hotel untuk membentuk pergerakan, jarak, tema, kostum, muzik dan lain-lain untuk menghasilkan persembahan (Kloetzel dan Pavlik, 2009).

Kajian ini meneroka kewujudan perhubungan antara ruang dan memori terhadap proses koreografi *site-specific* melalui beberapa karya tari yang dipersembahkan di lokasi yang berbeza. Bagi kajian ini, pengkaji memfokuskan perkembangan koreografi *site-specific* berbentuk tari kontemporari yang dipersembahkan di beberapa festival dan program tari di Malaysia. Antaranya termasuklah George Town Festival, Melaka Arts and Performance Festival (MAPFest), Dancing in Place, Rimbun Dahan dan Dancing in Place Chinatown di Urbanscape Festival. Kajian ini mampu menambahkan ilmu dalam bidang koreografi yang menjurus kepada koreografi *site-specific* melalui kaedah penggunaan ruang dan memori dalam proses koreografi *site-specific*. Di samping itu, kajian ini berupaya mencetuskan idea serta inspirasi kepada koreografer untuk mengaplikasikan dan mengembangkan proses kreatif dalam koreografi *site-specific*. Selain itu, kajian ini





turut meningkatkan pengetahuan berkenaan dengan pemahaman istilah persembahan *site-specific* serta perkembangan persembahannya di Malaysia.

1.2 Definisi dan Istilah

Kajian ini mempunyai beberapa kata kunci yang digunakan dalam penyelidikan. Beberapa istilah dan konteks seperti *site-specific*, koreografi, tari kontemporari, ruang, memori dan konstruksi. Dalam subtopik bab satu ini, istilah dan terminologi yang digunakan akan dihuraikan secara ringkas bagi membantu dalam memahami dan mengetahui latar belakang kajian serta penggunaannya dalam kajian ini.

1.2.1 Koreografi

Koreografi berasal daripada bahasa Yunani yang bererti tari (*choreo*) dan menulis (*graphy*) (Gonzales, 2019). Koreografi bermaksud mereka atau mencipta karya tari (Butterworth dan Wildschut, 2009). Menurut Humprey⁴ (1987), koreografi merupakan penyusunan setiap langkah kepada semua arah tetapi kesemua arah tersebut telah distrukturkan oleh manusia sendiri. Namun begitu, bagi Gonzales (2004) pula, koreografi merupakan satu proses yang mengekspresikan idea, pandangan, fikiran dan kreativiti melalui tiga bahagian utama, iaitu permulaan, pertengahan dan penutup untuk menghasilkan bentuk persembahan tari, manakala koreografer atau penata tari pula merupakan seorang individu yang telah mencipta atau mengolah satu bentuk tari menjadi karya tari untuk dipersembahkan kepada penonton. Menurut Gonzales (2019) lagi, koreografer ialah seorang karyawan tari yang menghasilkan karya daripada cetusan inspirasi, imaginasi, daya kreativiti serta

⁴ Doris Humprey merupakan seorang tokoh tari, koreografer dan penari pada era tari moden. Beliau telah mencipta teknik pergerakan *fall and recovery* dan menerbitkan sebuah buku koreografi, *The Art of Making Dances* sebelum meninggal dunia.





inovasi dengan merealisasikan konsep serta menjanakan idea dengan visi dan misi seninya tersendiri melalui bahasa tubuh.

Koreografi mempunyai pelbagai bentuk, iaitu tradisional, moden, pasca moden, kontemporari dan *avant garde*. Dalam koreografi, terdapat tiga elemen utama yang digunakan dalam penghasilannya, iaitu tubuh (*space*), masa (*time*) dan tenaga (*energy*). Menurut Ambrosio (1999), semua koreografer harus menggunakan tiga elemen penting ini bagi membentuk koreografi yang berkualiti tidak kira apa-apa genre tari yang ingin dihasilkan. Setiap elemen tersebut terdiri daripada ciri-ciri yang dapat membantu koreografer menghasilkan koreografi.

1.2.2 Istilah Site-Specific, Site-Specific Dance

Site mempunyai dua maksud dan pemahaman. Yang pertama, *site* merupakan sebuah lokasi, tapak atau tempat bagi sesebuah bangunan atau persekitaran. Berdasarkan pengertian ini, *site* berkait rapat dengan seni bina, terutama dalam pembinaan sesebuah bangunan. Yang kedua, *site* difahami dan digunakan untuk menunjukkan *website* atau lebih dikenali sebagai laman sesawang. Dalam kajian ini, istilah dan pemahaman *site* menjurus kepada sebuah lokasi atau sebuah tapak. Istilah *specific* atau spesifik pula bermaksud khusus atau khas yang berkaitan dengan sifat, tempat atau keadaan. Menurut Kamus Dewan Pro, spesifik bermaksud sesuatu yang khusus atau khas atau tertentu yang diaplikasikan dengan sesuatu sifat atau sesebuah tempat atau masa atau dalam perbuatan. Spesifik yang digunakan dalam kajian ini berkaitan dengan penggunaan sesebuah tapak khusus bagi menghasilkan persembahan.





Menurut Wilkie⁵ (2004), pada tahun 1960-an, istilah *site-specific* telah wujud dalam bidang seni visual dan terdapat cadangan untuk membawa persembahan atau karya keluar dari bangunan teater dan memilih sebuah lokasi atau tapak untuk berkarya dan menjadi lokasi sebagai instrumen bagi mengembangkan tema dan bentuk karya. Kwon⁶ (2002) mengemukakan pendapat seperti yang berikut:

Site specificity used to imply something grounded, bound to the laws of physics. Often playing with gravity, site-specific works used to be obstinate about "presence," even if they were materially ephemeral, and adamant about immobility, even in the face of disappearance or destruction.

Karya *site-specific* bermula daripada pembentukan awal, berfokus kepada perhubungan karya dan *site* supaya konsep karya kekal dan tidak jauh daripada *site* (Kwon, 1997). Istilah *site-specific* telah diguna pakai oleh artis-artis seni visual pada tahun 1960-an. Selain istilah *site-specific* yang sering digunakan dalam seni visual, terdapat istilah lain yang berkaitan dengan *site-specific* seperti *installation art*, *environment*, *conceptual art*, *interactive art*, *art intervention*, *performance art* dan *land art*⁷. Ramai artis seni visual yang melibatkan diri dalam *site-specific art*. Antaranya termasuklah Joseph Kosuth, Mario Merz, Andrew Houston, Morgan Sorne, Adam Chodzko dan ramai lagi. Perkembangan *site-specific art* melalui karya seni telah mewujudkan pelbagai istilah yang diketengahkan oleh artis-artis seni visual. Contohnya, *site-determined*, *site-oriented*, *site-referenced*, *site-conscious*, *site-responsive* dan *site-related* (Kwon, 2002).

Seperti bidang seni visual, bidang tari juga mempunyai pelbagai penggunaan istilah bagi *site-specific*. Antaranya termasuklah *site-adaption*, *site-responsive*, *one place to another*, *site-inspired*, *site-sympathetic*, *site dance*, *site-adaptive* dan *site-*

⁵ Fiona Wilkie merupakan seorang pensyarah di Jabatan Drama, Teater dan Persembahan di Universiti Roehampton, London. Beliau menerbitkan dan membentangkan pelbagai persembahan *site-specific* di Britain.

⁶ Miwon Kwon merupakan seorang profesor dan pengarah di Jabatan Sejarah Seni di UCLA.

⁷ Arts Terms. (Oktober 2019). Diambil pada 15, 2019, daripada <https://www.tate.org.uk/art/art-terms>.





appropriate (Bernhardt 1989 memetik kenyataan daripada Kloetzel dan Pavlik, 2009). Bernhardt menyatakan terdapat beberapa istilah yang digunakan seperti *site-adaptive* dan *site-appropriate* (Kloetzel, 2017). Menurut Kaye⁸ pula, *site-specificity* difahami sebagai “sebuah proses”, manakala *site-specific work* ditakrifkan sebagai sesuatu sifat, kualiti atau makna yang terhasil melalui perhubungan antara ‘objek’ atau ‘acara’ di sebuah posisi atau lokasi yang digunakan. Dengan kata lain, Kaye menegaskan bahawa sebuah idea substantif seperti penghasilan *site-specific work* perlu mempunyai perhubungan yang betul atau sesuai terhadap sesebuah lokasi persembahan dan menggunakan konsep berbentuk asli dan posisi yang kekal serta berkaitan dengan apa-apa yang dihasilkan.

Istilah *site-specific* digunakan dalam seni persembahan tari bagi memperkenalkan persembahan yang diadakan di luar pentas prosenium atau *blackbox*. Kloetzel (2017) menekankan bahawa *site-specific dance* merupakan salah satu genre tari yang dikategorikan kepada dua, iaitu *site-dance*⁹ dan *site-adaptive*¹⁰.

Menurut Hunter¹¹ (2015), *site-specific dance* merupakan persembahan tari yang dihasilkan daripada respons atau tindak balas terhadap *site* dan dipersembahkan di lokasi yang spesifik. Menurut Suhaimi¹² (2019) pula, persembahan *site-specific* di Malaysia telah wujud pada persembahan tradisional dalam sesebuah masyarakat dan telah diamalkan sejak dahulu lagi. Suhaimi menambahkan kenyataan bahawa

⁸ Nick Kaye merupakan seorang profesor dan pengarah Jabatan Drama di Universiti Manchester yang aktif dengan penerbitan dan kajian *site-specific art* dan *performance*. Beliau merupakan salah seorang yang menggabungkan seni visual dan teater dalam persembahan *site-specific*.

⁹ *Site-dance* merupakan koreografi *site-specific* yang dihasilkan daripada respons dan refleksi daripada sesebuah lokasi persembahan.

¹⁰ *Site-adaptive* merupakan persembahan *site-specific* yang dipersembahkan secara bersiri daripada satu lokasi ke lokasi yang lain (*site-tour*).

¹¹ Victoria Hunter merupakan seorang pensyarah kanan (*senior*) dalam bidang tari di Universiti Chichester, United Kingdom. Beliau seorang *practioner-researcher* yang memfokuskan kajian terhadap isu sosial, interaksi manusia terhadap *site* dan persekitaran.

¹² Suhaimi Magi merupakan pensyarah tari di Universiti Malaysia Sabah dan seorang koreografer yang terlibat dalam persembahan tari *site-specific* pada tahun 1990-an di Malaysia.





kemunculan tari kontemporari telah mengembangkan persembahan *site-specific* di Malaysia apabila karya yang dihasilkan melibatkan seluruh lingkungan alam daripada sebuah lokasi dan koreografer hanya ‘meminjam tempat atau lokasi’ tersebut untuk berkarya. Istilah koreografi *site-specific* telah mula digunakan di Malaysia sejak tahun 1993. Kenyataan ini didukung oleh Azura Abal Abas (2019) yang merupakan salah seorang pelajar Aida Redza di Akademi Seni Kebangsaan (ASK). Beliau menyatakan Aida Redza telah mula memperkenalkan koreografi *site-specific* kepada pelajarannya dalam kursus koreografi di ASK yang kini dikenali sebagai Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA).

Pelbagai pemahaman dijelaskan oleh ahli akademik dan koreografer dengan penggunaan istilah *site-specific* dan rata-ratanya memahami persembahan ini dihasilkan daripada tindak balas sebuah lokasi. Koreografi *site-specific* menggunakan ruang serta memori sesebuah lokasi untuk menghasilkan karya yang menarik dan bermakna. Pemahaman dan penggunaan istilah koreografi *site-specific* sangat penting difahami bukan sahaja untuk membantu dalam proses koreografi tetapi merangkumi keseluruhan pembentukan hubungan refleksi terhadap lokasi persembahan.





Rajah 1.1 *Bridges & Kaki Lima (2013).*

1.2.3 Tari Kontemporari

Kontemporari bermaksud sedang berlaku, wujud, hidup atau akan datang atau tiba dalam sesuatu tempoh masa. Berdasarkan pengertian ini, kontemporari bermaksud sesuatu yang terkini atau terbaharu. Kontemporari bersifat terkini atau moden yang berlaku pada waktu yang sama atau kepunyaan pada masa yang sama. Tari pula tidak terikat dengan konteks teaterikal sahaja (Butterworth dan Wildschut, 2009). Menurut Mohd Anis (2003), menyatakan tari merupakan sistem pergerakan budaya yang berstruktur dalam budaya sosial yang wujud melalui memori. Tari kontemporari merupakan salah satu genre tari yang telah berkembang dengan pesat dari semasa ke semasa.

Tari kontemporari terdiri daripada beberapa genre, iaitu tari tradisional, tari rakyat, tari etnik dan tari moden. Poh Gee (2009) menyatakan genre tari kontemporari tersebut bukan sahaja perlu dihargai dan dihayati dari segi teknik, kualiti atau stail tari yang pelbagai, tetapi juga dari segi makna atau signifikan budaya tari masyarakat tertentu daripada perspektif *emik* dan seterusnya memahami konsep falsafah dan





estetika sesebuah masyarakat. Tari kontemporari mula berkembang pada pertengahan abad ke-20 apabila koreografer tari moden pada abad itu mula mencari serta membuat eksplorasi gaya tari, teknik pergerakan dan identiti dalam karya masing-masing. Tari kontemporari tidak terikat dengan mana-mana teknik pergerakan tetapi sentiasa berkembang, terbuka dan terkini untuk menghasilkan bentuk baharu, dinamik, beritma, *shifting alignments*, mempunyai ekspresi dengan gaya pernafasan dan banyak lagi. Menurut Backer (2003), menyatakan tari kontemporari memberikan refleksi daripada emosi dan perasaan seseorang individu dalam tempoh masa yang tertentu. Poh Gee (2009) pula mendapati bahawa tari kontemporari merujuk genre atau gaya tari yang paling terkini melalui paparan idea atau selari dengan perkembangan kontemporari. Secara umumnya, tari kontemporari ditakrifkan sebagai repertoire tari moden yang bersifat tradisi, moden atau pasca moden (Poh Gee, 2009).



1.2.4 Ruang

Ruang ialah tempat yang lapang atau bilik yang terdapat di dalam rumah atau petak yang terdapat pada surat khabar (Kamus Dewan, Edisi Keempat). Ruang juga dikaitkan dengan seni bina (*architecture*) seperti bangunan atau rumah dan ruang juga digunakan dalam seni visual, bahasa, tari dan sebagainya. Dalam tari, ruang terbahagi kepada dua bahagian, iaitu ruang peribadi (*personal space*) dan ruang umum (*general space*). Ruang peribadi merupakan ruang yang terdapat di sekeliling tubuh dalam keadaan tidak bergerak dan berada secara setempat sahaja. Pergerakan ini dinamakan pergerakan *non-locomotor* di mana ia dilakukan tanpa bergerak atau berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain seperti membengkokkan tubuh (*bending*), *twisting*, meregangkan tubuh dan sebagainya. Manakala, ruang umum pula ialah ruang yang melebihi ruang peribadi apabila tubuh bergerak dari sesuatu tempat ke tempat yang lain. Pergerakan ini pula dikenali sebagai pergerakan *locomotor* di mana ia dilakukan dari satu tempat ke tempat yang





lain seperti berlari, berguling dan sebagainya. Kedua-dua kategori ruang ini mempunyai elemen dan fungsi dalam proses koreografi sama ada bagi persembahan pentas atau persembahan *site-specific*. Gonzales (2004) menekankan koreografer perlu mengetahui tentang penggunaan ruang dari segi kepanjangan, kedalaman dan jarak ruang serta kesemua faktor lain yang berkait dengan proses koreografi. Koreografer perlu mengetahui kehendak dan kepentingan idea karya yang akan dihasilkan secara jelas.

Menurut Hunter (2015), pelbagai definisi, pemahaman serta pendapat tentang ruang telah dikongsikan dan dinyatakan oleh ahli akademik dan falsafah seperti Lefebvre (1974,1991), Tuan (1974,1977), Bryan Lawson (2001) dan Bachelard (1964). Mereka mengaitkan ruang dengan seni bina melalui persoalan tentang bagaimana pengalaman (*experience*), pengamatan (*perceive*) serta interaksi (*interact*) dengan ruang yang akan dilakukan eksplorasi. Ruang wujud dalam seluruh kehidupan bukan sahaja dalam kehidupan manusia, malah haiwan, tumbuhan serta alam semula jadi. Pengertian dan pemahaman tentang ruang dapat membantu pengkaji dalam menerokai kajian ini dengan lebih teliti, terutama penggunaannya dalam proses koreografi.

1.2.5 Memori

Memori bermaksud suatu kenangan atau ingatan atau dikaitkan dengan komputer yang menyimpan atau memproses maklumat terkini atau yang lama (Kamus Dewan Edisi Keempat). Menurut Kamus Dewan, memori merupakan kebolehan untuk mengingat sesuatu yang sudah dipelajari atau yang pernah dialami. Memori sangat penting dalam pendidikan, pengajaran dan pembelajaran. Memori dapat membantu setiap individu untuk mengingat apa-apa yang telah dipelajari dan dialami selain membantu dalam mengingat kenangan atau pengalaman yang terdahulu sama ada yang positif atau negatif. Baddeley (2014) menyatakan memori





merupakan satu sistem yang unit apabila mempunyai sistem penyimpanan jangka panjang dan pendek yang sangat penting dalam kehidupan. Memori dalam pemahaman psikologi melalui tiga proses iaitu proses penyimpanan, pengekodan dan perolehan. Ketiga-tiga proses ini penting dan ia membantu perkembangan mental dan kewarasan setiap individu dari segi ingatan, hafalan dan penerimaan sesuatu ilmu, perlakuan atau perbuatan.

Memori yang lalu atau lama dapat membantu kita meneruskan kehidupan dengan merancang sesuatu untuk masa depan. Memori juga membantu mengembangkan pemikiran agar seseorang individu lebih nyata dan waras. William Sumrall, Reid Sumrall dan Daniel Adrian melontarkan kenyataan berikut:

Memory is a term applied to numerous biological devices by which living organisms acquire, retain, and make use of skills and knowledge. It is present in all forms of higher order animals. The most evolutionary forms of memory have taken place in human beings (Sumrall. W, Sumrall. R dan Doss, 2016).



Berdasarkan pengertian yang dinyatakan, memori merupakan elemen penting untuk manusia meneruskan kehidupan bagi menyerlahkan bakat dan meningkatkan pengetahuan. Sistem memori yang baik akan membantu manusia berkembang dengan baik melalui mental dan fizikal.

Memori dalam proses koreografi dikaitkan dengan ilmu pengetahuan, pengalaman, pembelajaran serta pemikiran seseorang koreografer. Seorang koreografer akan menggunakan memori dalam proses koreografi sama ada secara langsung atau tidak langsung. Sebagai contoh, teknik tari yang telah dipelajari dihafal, dan memberi pengalaman pada sistem tubuh dan membentuk satu memori sistem yang akan digunakan dalam proses pengkaryaan.





1.2.6 Konstruksi

Konstruksi difahami sebagai pembinaan atau susunan semula sesuatu seperti bangunan atau perabot atau untuk pembinaan rangkai kata atau ayat (Kamus Dewan Pro Eja Keempat). Menurut Stewart (2006), konsep konstruksi oleh George Kelly¹³ mempunyai dua peranan, iaitu gambaran terhadap sesuatu yang telah dilalui atau dialami dan yang kedua ialah cara mentafsir atau mengalaminya secara berterusan. Konsep konstruksi diaplikasikan dalam proses koreografi tari sama ada tari tradisional atau tari kontemporari. Menurut Poh Gee (2009), selain ahli akademik yang mengaplikasikan konsep konstruksi, konsep ini turut dimanfaatkan dalam pengkaryaan oleh golongan kreatif seperti koreografer, penari, pelukis, pelakon, pemuzik, komposer, pihak pengurusan dan pentadbiran seni, pereka kostum, jurugambar, pereka penataan cahaya, pereka set dan ramai lagi. Poh Gee juga menyatakan seseorang yang telah mencapai kematangan dari segi ilmu serta pengalaman akan dapat melakukan proses konstruksi dan diruntuhkan (*deconstruct*) serta dibina semula (*reconstruct*) dalam proses koreografi dengan baik.



1.3 Penyataan Masalah

Menurut Kloetzel (2010), setelah bertahun-tahun mengkaji, menghasilkan dan mencipta karya serta melibatkan diri dalam persembahan *site-specific*, beliau masih lagi bergelut dengan istilah, terminologi dan pemahaman secara kritikal dalam memahami persembahan di sesebuah lokasi sebagai asas inspirasi. Pemahaman, pengetahuan serta penggunaan istilah bagi persembahan *site-specific* harus dijelaskan dengan telitinya. Pelbagai definisi yang dinyatakan oleh ahli akademik, koreografer dan juga penari di mana ia terbentuk mengikut pemahaman, pemikiran

¹³ George Alexander Kelly merupakan seorang ahli psikologi (dikenali sebagai bapa psikologi kognitif klinikal) dan terkenal dengan teori personaliti Amerika, iaitu *Personal Construct Psychology*.





pengetahuan dan pendapat seseorang pengkarya. Menurut Hunter (2009), persembahan *site-specific* ditakrifkan sebagai persembahan tari yang dicipta dan dipersembahkan daripada respons atau tindak balas daripada sesebuah lokasi atau lokasi. Berbeza pula definisi yang dinyatakan oleh Bieringa (2009). Menurutnya, apabila beliau menghasilkan sebuah karya *site-specific*, karya tersebut dihasilkan dari lokasi yang dipilih dan bukan hanya dilakukan di lokasi luar (*outdoor*). Sebagai contoh, jika karya dihasilkan di stesen bas dan kemudian dipersembahkan di stesen kereta api. Pada Bieringa, karya sebegini bukan karya *site-specific*.

Melalui pemerhatian pengkaji, situasi ini dapat dilihat semasa menonton beberapa persembahan *site-specific* secara langsung di beberapa buah program dan festival seni di Malaysia. Bilqis¹⁴ (2019) berpendapat bahawa persembahan *site-specific* di festival-festival seni di Malaysia dianggap sebagai 'teknik memeriahkan suasana' di sesebuah festival. Bilqis juga mengaitkan sebuah persembahan *site-specific* merupakan konsep persembahan *body in the public space*. Manakala, Rithaudin (2019) berpendapat bahawa persembahan *site-specific* dapat dihasilkan melalui dua kaedah iaitu menggunakan cerita di sebalik latar belakang sesebuah lokasi atau mencipta cerita sendiri dan menggunakan lokasi sebagai ruang persembahan. Sementara itu, Setyanto (2018) pula menyatakan persembahan *site-specific* adalah yang berkaitan dengan penggunaan sesebuah ruang sebagai pentas persembahan. Chai Chen¹⁵ (2019) pula, menyatakan bahawa karya yang dihasilkan haruslah keluar dari konsep teaterikal atau persembahan pentas dalam proses pengkaryaan di mana proses dilakukan di lokasi yang dipilih. Kenyataan ini ditekankan oleh Ing Fung (2019) yang menegaskan bahawa persembahan *site-*

¹⁴ Bilqis Hijjas merupakan seorang pengkritik tari, penerbit, penulis, pensyarah, koreografer dan penari. Bilqis juga seorang pengarah dan penganjur program tari itu di pusat seni swasta, iaitu Rimbun Dahan di luar Kuala Lumpur.

¹⁵ Tan Chai Chen merupakan koreografer, penari dan pensyarah tari di Fakulti Seni Kreatif, Universiti Malaya.





specific berbeza daripada persembahan luar atau *outdoor performance*. Kepelbagaian definisi, pendapat dan pemahaman yang diketengahkan oleh ahli akademik dan koreografer tempatan menunjukkan bahawa terdapat kelonggaran dalam pemahaman persembahan *site-specific* di Malaysia. Walaupun istilah *site-specific* telah dikongsikan dan difahami, tetapi terdapat juga hasil karya tari *site-specific* yang tidak menepati pengertian dan pemahamannya. Hal ini disebabkan oleh kurangnya pendedahan dalam bentuk persembahan dan penulisan tentang persembahan *site-specific* yang diterbitkan di Malaysia.

Kebanyakan kajian tentang persembahan *site-specific* dan *site-specific choreography* terdapat di Barat. Antaranya termasuklah Kloetzel (2017), Stock (2014), Duncan (2013), Gleave (2011), Bartel (2011), Hunter (2009), Wilkie (2002, 2004), Zhu (2004), Wrigths dan Sites (2000), Kaye (2000) dan beberapa lagi jurnal, buku dan tesis yang ditulis oleh ahli akademik dan koreografer dari luar negara. Penulisan secara akademik tentang persembahan tari *site-specific* kurang di dokumentasi atau dikaji di Malaysia. Terdapat penulisan oleh Stock (2013) tentang persembahan *site-specific* di Melaka Arts and Performance Festival (MAPFest), Azura (2013) kertas kerja prosiding, jurnal dalam talian oleh Nurulakmal (2016). Walaupun kurang penulisan secara akademik di Malaysia, terdapat juga artikel bagi *Dance Critic* tentang persembahan tari di Malaysia secara dalam talian. Selain itu, terdapat institusi pengajian tinggi dan akademi telah mengadakan persembahan tari *site-specific*, antaranya termasuklah Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Ketiga-tiga institusi ini mempunyai program ijazah sarjana muda dalam bidang tari yang menawarkan kursus koreografi bagi para pelajar yang mengikuti program.

Ilmu dalam bidang koreografi yang menjurus kepada koreografi *site-specific* telah mula didedahkan oleh Aida Redza sekitar tahun 1993 di Akademi Seni





Kebangsaan¹⁶ (ASK). Azura (2019) menyatakan dan mendedahkan ilmu tari bagi persembahan tari *site-specific* melalui kursus koreografi dalam pengajarannya di ASK. Menurut Chai Chen (2019), di Universiti Malaya juga menerapkan pengajaran bagi koreografi, iaitu pelajar diberikan peluang untuk menghasilkan karya tari *site-specific* yang perlu dipersembahkan pada akhir semester. Walaupun institusi ini mendedahkan ilmu koreografi *site-specific* dalam pengajaran tetapi tiada kaedah koreografi yang tetap bagi membantu dalam membentuk atau menghasilkan karya.

Bagi karya tari *site-specific*, lokasi khusus merupakan instrumen utama dalam pembentukannya. Sesebuah lokasi persembahan mempunyai pelbagai bentuk ruang dan mempunyai memorinya tersendiri. Perhubungan ruang dan memori merupakan dua elemen yang digabungkan untuk menghasilkan koreografi *site-specific*. Bagi menghasilkan koreografi di pentas prosenium atau *blackbox* atau eksperimen teater, tema, idea dan konsep akan terbentuk terlebih dahulu. Namun, dalam koreografi *site-specific*, ruang dan memori perlu difahami, diketahui serta diselidiki sebelum membentuk konsep satu persembahan. Penggunaan ruang dan memori dalam proses koreografi *site-specific* memberikan idea serta inspirasi kepada koreografer untuk mengaplikasikan dan mengembangkan proses kreatif dalam pengkaryaan karya tari *site-specific*. Menurut Koplowitz (1997), apabila menghasilkan karya atau persembahan *site-specific*, kita akan berhadapan dengan struktur seni bina, latar belakang sejarahnya, penggunaannya serta perhubungannya. Menurut Hunter (2009) pula, seseorang koreografer akan menghadapi proses pengalaman dan penglihatan terhadap ruang dan kemudian menggabungkan tindak balas melalui interpretasi dengan estetika dan artistik dalam proses kreatif. Kedua-dua kenyataan ini membuktikan perhubungan ruang dan memori tentang lokasi perlu dilalui oleh

¹⁶ Akademi Seni Kebangsaan (ASK) merupakan institusi seni pertama ditubuhkan di Malaysia, yang kini dikenali sebagai Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA).





koreografer dalam proses koreografi. Ruang dan memori mempengaruhi antara satu sama lain atau sebaliknya.

Kesulitan dan kekangan pencambahan idea akan berlaku apabila pengkarya tidak berada di lokasi persembahan sebenar. Proses koreografi *site-specific* menjadi sukar kerana akan mempengaruhi ruang dan memori yang terdapat pada lokasi tersebut. Dalam proses koreografi, seseorang koreografer akan memilih lokasi dan mengkaji latar belakang lokasi untuk mendapatkan ruang dan memori yang terdapat di sebalik lokasi tersebut. Penghasilan dan pengolahan karya tari *site-specific* memerlukan eksplorasi ruang dan memori dalam proses koreografi. Terdapat beberapa karya tari yang dipersembahkan tidak atau kurang mengalami proses eksplorasi dengan baik terhadap lokasi yang dipilih. Rata-rata mereka melakukan proses eksplorasi hanya di studio dan dibawa ke lokasi tersebut. Terdapat juga yang melakukan improvisasi gerak semata-mata.



Pemilihan lokasi bagi menghasilkan karya tari *site-specific* sangat penting kerana sesebuah lokasi mempunyai ruang dan memori tersendiri. Lokasi terdiri daripada beberapa kategori, iaitu persekitaran, bangunan, monumen dan seni arca. Setiap kategori lokasi ini mempunyai pembahagian ruang mengikut struktur bentuk, saiz dan fungsinya. Pembentukan dan fungsi sesebuah ruang akan mewujudkan memori yang tersirat atau terbentuk secara langsung. Ruang dan memori yang terdapat dan terbentuk dalam sesebuah lokasi mempengaruhi antara satu sama lain. Adakah karya yang dihasilkan hanya berdasarkan ruang atau memori sesebuah lokasi yang dipilih atau hanya menjadi ruangan atau pentas persembahan sahaja? Terdapat juga karya yang dihasilkan tidak dapat menepati spesifikasi ruang yang disediakan kerana berlakunya batasan pemandangan penonton yang memberikan kesan terhadap karya. Gabungan ruang dan memori dapat mencetuskan sumber





inspirasi bagi melancarkan proses eksplorasi, improvisasi dan komposisi semasa proses koreografi berlaku.

Sebagai contoh, dalam koreografi *She Simply Disappears* (2015) yang telah dipersembahkan di bawah perkarangan rumah Uda Manap di Rimbun Dahan, tiga *view point* telah ditetapkan oleh koreografer untuk para penonton melihat karya tersebut. Koreografer ingin memastikan penonton boleh bertukar arah pandangan semasa mengamati karya tersebut. Walau bagaimanapun, semasa persembahan, kejadian sebaliknya telah berlaku apabila para penonton terus duduk di tempat pertama penari memulakan persembahan. Hanya beberapa orang penonton yang telah bertukar-tukar pandangan semasa menonton karya tersebut. Stock (2011) menyatakan dalam persembahan *site-specific* yang menggunakan beberapa lokasi atau membahagikan lokasi kepada beberapa bahagian, koreografer bukan sahaja perlu memikirkan penyusunan komposisi koreografi atau penari sahaja, tetapi juga para penonton, pengalaman dan *view point* mereka semasa menonton persembahan *site-specific*. Stock juga menyatakan karya tari *site-specific* mendedahkan pengalaman kepada para penonton terhadap lokasi dan perjalanan karya tersebut semasa dipersembahkan. Sekiranya karya tersebut tidak menggunakan inspirasi dari lokasi, para penonton tidak akan mendalami dan memahami karya tersebut. Pemilihan lokasi persembahan sangat penting untuk membentuk koreografi *site-specific*. Sekiranya berlaku kejadian seperti yang tidak dirancang, penggunaan perhubungan ruang dan memori dapat membantu dalam proses improvisasi dalam persembahan.

Kajian ini merupakan hasil tinjauan pemerhatian dan penglibatan terhadap persembahan tari *site-specific* secara langsung di beberapa festival dan program yang diadakan di sekitar Semenanjung Malaysia. Berdasarkan pemerhatian dan penglibatan secara langsung, pengkaji mendapati beberapa perkara tidak memenuhi





kriteria serta konsep, idea dan fungsi persembahan *site-specific*. Melalui pengumpulan informasi dan sumber rujukan, pengkaji menyedari kurangnya penulisan tentang koreografi *site-specific* di Malaysia, bahkan tiada langsung penulisan tentang pembentukan panduan atau kaedah untuk menghasilkan koreografi *site-specific*. Pembentukan kaedah yang spesifik untuk menghasilkan karya tari *site-specific* penting untuk membantu koreografer menambahkan ilmu dan mencambahkan idea dalam berkarya.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa persoalan bagi menjawab objektif yang telah disenaraikan. Antara persoalan yang disenaraikan termasuklah:

1.4.1 Apakah Pemahaman Istilah Koreografi *Site-Specific* di Malaysia?

Terdapat pelbagai pendapat dan pendekatan terhadap pemahaman dan pengetahuan tentang koreografi *site-specific*. Pelbagai pendapat dan pendekatan ini diperoleh daripada ahli akademik, koreografer dan *performer* melalui kajian, iaitu jurnal, artikel dan temu bual. Perbezaan pemahaman dan pengetahuan ini telah membentuk pelbagai konsep persembahan atau koreografi *site-specific*. Di Malaysia, pengetahuan dan pemahaman istilah koreografi *site-specific* tidak diketengahkan secara meluas, hanya melalui beberapa persembahan, festival dan program. Walaupun perkembangan tari *site-specific* di Malaysia berlaku secara perlahan, terdapat pelbagai pemahaman dan pendapat digunakan. Selain itu, kekurangan bahan penulisan bagi persembahan tari *site-specific* mendorong pengkaji untuk membincangkannya secara terperinci demi perkembangan persembahan tari ini selain ingin mendalami istilah koreografi *site-specific*. Persembahan tari *site-specific* sebenarnya telah mula berkembang dan berfungsi dalam seni persembahan di Malaysia. Persoalan ini jugalah yang mendorong pengkaji membincangkan perkembangan genre tari ini di Malaysia dengan lebih lanjut melalui huraian tentang





sejarah serta mengenali koreografer dan penari yang terlibat. Pada masa yang sama, persoalan ini akan membantu pengkaji mengetahui lokasi dan program atau festival yang diadakan yang mempersembahkan karya tari *site-specific*.

1.4.2 Bagaimanakah Perhubungan antara Ruang dengan Memori dalam Koreografi *Site-Specific*?

Penggunaan ruang dan memori dalam proses koreografi *site-specific* sangat penting bagi menghasilkan karya yang baik dan menarik. Persoalan ini mendorong pengkaji dalam mengklasifikasikan serta menghuraikan bagaimana perhubungan ruang dan memori dalam proses koreografi tari *site-specific*. Adakah pemilihan ruang mempengaruhi memori atau sebaliknya atau adakah kedua-dua instrumen ini mempengaruhi antara satu sama lain?



1.4.3 Bagaimanakah Ruang dan Memori Diaplikasikan dalam Proses Koreografi *Site-Specific*?

Pelbagai idea dan konsep digunakan untuk menghasilkan koreografi *site-specific*. Melalui pelbagai festival dan program, banyak karya tari *site-specific* dipersembahkan. Melalui persembahan tersebut, terdapat pemahaman dan pengetahuan konsep, istilah serta idea yang berbeza diketahui bagi koreografi *site-specific*. Persoalan ini dapat membahaskan penggunaan ruang dan memori dalam karya tari *site-specific*. Salah satu instrumen utama dalam proses koreografi *site-specific* ialah ruang dan memori. Persoalan ini mendorong pengkaji melihat sejauh mana ruang dan memori diaplikasikan dalam proses koreografi *site-specific*.





1.5 Objektif Kajian

Kajian ini memperlihatkan kaedah dan proses koreografi bagi penghasilan karya tari *site-specific*. Tiga objektif yang telah dirancang bagi membantu kajian ini adalah seperti yang berikut:

1.5.1 Mengkaji Pemahaman Istilah Koreografi *Site-Specific* di Malaysia

Persembahan koreografi *site-specific* dipercayai telah bermula pada era 1990-an selepas kepulangan beberapa orang artis tari di Malaysia dari luar negara. Selepas kepulangan mereka ke tanah air, genre tari kontemporari telah menular dan berkembang sehingga pelbagai karya tari kontemporari dihasilkan, termasuklah genre tari *site-specific*. Objektif ini menghuraikan pemahaman dan penggunaan istilah bagi koreografi *site-specific* dan membantu kajian dalam bentuk sejarah, latar belakang dan perkembangan persembahan *site-specific* di Malaysia.



1.5.2 Mengklasifikasikan Perhubungan Ruang dan Memori dalam Koreografi Tari *Site-Specific*

Dalam karya tari *site-specific*, ruang terdiri daripada ruang peribadi (*personal space*) dan ruang umum (*general space* atau *public space*). Memori pula ditafsirkan sebagai proses yang wujud bagi membentuk ingatan, kenangan atau pengalaman seseorang individu terhadap sesebuah tempat atau *site*. Objektif ini membantu kajian dalam mengklasifikasikan perhubungan ruang dan memori yang terbentuk dalam proses koreografi *site-specific*.






1.5.3 Menganalisis Penggunaan Ruang dan Memori dalam Proses Koreografi

Site-Specific

Ruang dan memori digunakan dalam proses koreografi *site-specific*. Pemilihan persekitaran dan latar belakang sesebuah lokasi bagi menghasilkan karya tari *site-specific* sangat penting kerana ruang dan memori berkemungkinan memberikan sumber inspirasi dalam proses koreografi. Objektif ini akan membantu pengkaji untuk menganalisis penggunaan ruang dan memori terhadap karya tari *site-specific* terpilih.

Rajah 1.2 di bawah menunjukkan secara keseluruhan kerangka kajian bagi kajian penyelidikan ini yang merangkumi pernyataan masalah, persoalan, objektif, jurang kajian dan metodologi.



Rajah 1.2 Kerangka Kajian Koreografi *Site-specifi*



1.6 Skop Kajian

Kajian ini merupakan hasil tinjauan pemerhatian dan penglibatan terhadap persembahan *site-specific* di beberapa festival dan program yang diadakan di sekitar Semenanjung Malaysia. Berdasarkan pemerhatian dan penglibatan secara langsung, pengkaji mendapati beberapa perkara tidak memenuhi kriteria serta konsep, idea dan fungsi persembahan *site-specific*. Berdasarkan objektif kajian, tumpuan kajian lebih tertumpu kepada persembahan karya tari *site-specific* secara khususnya. Kajian ini memfokuskan beberapa kriteria, iaitu koreografer Malaysia, lokasi persembahan dan idea.

Ketiga-tiga kriteria ini dipilih berdasarkan koleksi karya yang dipersembahkan pada tahun 2009 sehingga 2018. Pengkaji memilih jangka masa ini untuk melihat perkembangan persembahan *site-specific* di Malaysia. Walaupun persembahan *site-specific* di Malaysia telah bermula pada tahun 1990-an melalui beberapa persembahan, tetapi pada tahun 2000, persembahan tari *site-specific* di Malaysia berkembang melalui beberapa festival dan program. Pemilihan koleksi karya tari sekitar tahun 2009 hingga 2018 dapat menghasilkan kajian ini agar lebih relevan.

1.6.1 Koreografer Malaysia

Koreografer merupakan seorang pereka tari yang mencipta karya tari sama ada tari tradisional mahupun tari kontemporari untuk sesuatu persembahan. Setiap koreografer akan melalui beberapa proses seperti mereka, mencipta, menyusun dan melatih penari bagi menghasilkan karyanya. Kajian ini akan memilih enam orang *site* koreografer yang terdiri daripada warganegara Malaysia yang menghasilkan karya tari *site-specific* sekitar tahun 2009 sehingga 2018. Di Malaysia, koreografer yang terlibat dalam menghasilkan koreografi *site-specific* masih tidak ramai. Terdapat





beberapa orang koreografer muda yang terlibat tetapi tidak secara berterusan atau konsisten. Enam orang koreografer telah menghasilkan beberapa karya dalam tempoh 10 tahun ini. Namun, kajian ini memilih hanya dua karya bagi setiap koreografer bagi mendapatkan hasil kajian yang lebih relevan. Antara koreografer yang disenaraikan termasuklah:


1. Aida Mohd Redza
2. Lee Ren Xin
3. Azura Abal Abas
4. Rathimalar Gavindarajoo
5. Rithaudin Abdul Kadir
6. Chai Vivan

Koreografer yang disenaraikan mempunyai pengalaman, latar belakang dan peringkat generasi yang berbeza. Karya tari yang telah dihasilkan mempunyai kaedah koreografi, identiti, ideologi dan kreativiti tersendiri.

1.6.2 Lokasi Persembahan

Sesebuah lokasi persembahan sangat penting dalam menghasilkan koreografi *site-specific*. Oleh sebab tari ini dipersembahkan di luar kawasan teater atau pentas prosenium, pelbagai jenis lokasi digunakan oleh koreografer. Wilkie (2002) telah membahagikan lokasi kepada beberapa kategori, iaitu taman atau taman permainan, bangunan pejabat, tempat ibadah, tempat hiburan, galeri seni, muzium dan persekitaran. Kategori lokasi Wilkie (2002) ini dibahagi mengikut fungsi dan bentuk lokasi tersebut seperti gereja, ruang pejabat, lobi teater, kelab malam, pantai dan terowong. Dalam kajian ini, pengkaji telah membahagikan lokasi persembahan kepada beberapa kategori, iaitu persekitaran, bangunan, monumen, seni arca atau instalasi. Rajah 1.3 menunjukkan kategori lokasi yang telah diolah oleh pengkaji.





Rajah 1.3 Empat kategori lokasi bagi persembahan *site-specific*.

Pembahagian kategori lokasi ini dicapai melalui struktur atau bentuk dan kemudahan sesebuah lokasi. Lokasi dibahagikan kepada empat kategori yang terdiri daripada persekitaran, bangunan, monumen dan seni arca/instalasi. Kategori persekitaran terdiri daripada alam semula jadi, taman permainan, laman letak kereta, jalan raya dan lorong. Kategori bangunan pula merangkumi pejabat, hotel, lobi hotel, kompleks beli-belah, muzium, rumah, universiti, galeri, hospital, stesen bas, stesen kereta api dan lapangan terbang. Kategori monumen meliputi tempat bersejarah, tugu dan kubu pertahanan yang mempunyai latar belakang sejarah negara dan budaya masyarakat. Seterusnya, kategori seni arca atau instalasi terdiri daripada hasil seni arca dan instalasi yang telah dihasilkan oleh artis-artis seni. Di Malaysia, setiap



tempat yang ingin dijadikan lokasi persembahan perlu memohon kebenaran secara rasmi terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan atau pihak yang bertanggungjawab terhadap premis berkenaan.

Bagi koreografer yang telah disenaraikan, pengkaji memilih karya mereka yang dipersembahkan di lokasi yang berbeza yang diambil daripada karya sekitar tahun 2009 sehingga 2018. Sekitar tahun tersebut, persembahan tari *site-specific* telah berkembang dan muncul dalam pelbagai festival dan program. Antaranya termasuklah George Town Festival (GTF) di Pulau Pinang, Melaka Arts and Performance Festival (MAPFest) di Melaka, dan program Dancing in Place di Rimbun Dahan dan Kuala Lumpur.

1.6.3 Idea dan Konsep Karya



Kajian ini memilih idea dan konsep karya yang dihasilkan oleh koreografer. Dalam proses pembentukan koreografi, tema, idea dan konsep merupakan sumber utama yang perlu difikirkan sebelum langkah seterusnya dijalankan. Idea dan konsep merupakan sumber penting untuk menghasilkan karya yang berkualiti dan membantu koreografer dalam mengembangkan kreativiti. Pelbagai idea dan konsep diketengahkan seperti isu sosial, politik, persekitaran, komuniti, budaya, alam semula jadi dan lain-lain lagi. Karya tari *site-specific* yang diketengahkan dalam kajian ini mempunyai pelbagai isu yang akan membantu pengkaji melihat bagaimana perhubungan antara ruang dan memori wujud dalam proses koreografi.

Pemilihan kriteria bagi skop kajian berdasarkan beberapa festival dan program bagi menyokong hasil dapatan yang relevan yang berfokuskan tahun 2009 sehingga 2018. Antara festival yang diteliti adalah di George Town Festival (GTF), Melaka Arts and Performance Festival (MAPFest) dan program Dancing in Place di Rimbun Dahan dan di Chinatown, Kuala Lumpur.





1.7 Kepentingan Kajian

Setiap kajian mempunyai kepentingan tersendiri sama ada untuk masyarakat, akademik atau organisasi.

Bagi kajian ini, kepentingan pertama adalah bagi menjelaskan latar belakang serta perkembangan persembahan *site-specific* di Malaysia. Pemahaman dan pengetahuan ini sangat penting bagi setiap koreografer yang dipertanggungjawabkan untuk menghasilkan karya tari yang sesuai dengan lokasi yang dipilih. Penglibatan koreografer dan penari dalam persembahan *site-specific* harus mempunyai ikatan yang akrab terhadap lokasi kerana berupaya membantu proses koreografi.

Dalam proses koreografi *site-specific*, perhubungan ruang dan memori adalah saling berkait dan saling memerlukan. Koreografi *site-specific* tidak dapat berdiri dengan sendiri tanpa ruang dan memori kerana koreografi ini bukan sahaja membentuk struktur persembahan tetapi melibatkan proses dan representatif sesuatu persembahan. Menurut Stock (2014), dalam persembahan *site-specific*, perhubungan antara memori, ruang dan masa membantu dalam meningkatkan prestasi persembahan karya tari *site-specific*.

Seterusnya, kajian ini penting sebagai panduan kepada koreografer bagi memudahkan dan melancarkan proses koreografi. Hasil kajian ini dapat membentuk sebuah model proses koreografi *site-specific* bagi membantu koreografer mencambahkan idea dan konsep dalam proses berkarya. Fenomena persembahan *site-specific* di Malaysia semakin berkembang dan pembentukan model ini juga memberi peluang kepada koreografer untuk mengembangkan proses berkarya. Selain itu, pembentukan model proses koreografi ini dapat membantu dalam





pembelajaran dan pengajaran di institusi pengajian tinggi serta di peringkat sekolah seni Malaysia.

Selain itu, kajian ini mampu meningkatkan bilangan bahan rujukan dalam seni persembahan, terutama yang berkaitan dengan penulisan karya tari *site-specific*. Di samping itu, hasil kajian ini dapat dijadikan rujukan dan panduan untuk kajian pada masa akan datang. Kepentingan yang disenaraikan ini membantu dalam masalah ketandusan bahan rujukan dalam bidang seni persembahan tari di Malaysia amnya.

1.8 Organisasi Tesis

Tesis ini dibahagikan kepada enam bab, termasuklah bab ini. Enam bab ini merangkumi pengenalan, latar belakang kajian, kajian literatur, metodologi, koleksi data, analisis karya, dapatan kajian dan kesimpulan serta cadangan.



Bab 1: Pendahuluan

Bab satu memfokuskan pengenalan dan latar belakang kajian koreografi *site-specific*. Bab ini juga menjelaskan definisi dan istilah kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif, skop kajian dan kepentingan kajian.

Bab 2: Kajian Literatur

Bab dua menyoroti kajian literatur yang berkaitan dengan topik dan isu kajian terdahulu. Kajian literatur ini memperlihatkan sejarah, latar belakang, perkembangan dan pemahaman tentang persembahan *site-specific* secara umum dan juga di Malaysia. Selain itu, kajian literatur melibatkan pengkajian persembahan *site-specific*. Dalam bab ini juga, perhubungan ruang dan memori yang merupakan topik utama dalam kajian ini dibincangkan.





Bab 3: Metodologi Kajian

Bab tiga pula menelusuri metodologi kajian yang akan digunakan. Kajian ini berbentuk kualitatif dan kaedahnya dibahagikan kepada sumber primer dan sumber sekunder. Antara kaedah yang digunakan termasuklah temu bual, pemerhatian, pemerhatian ikut serta, rakaman video dan pembacaan bahan ilmiah seperti buku, tesis, kajian lepas, jurnal dan artikel.

Bab 4: Ruang dan Memori dalam Proses Koreografi *Site-Specific*

Bab empat memaparkan huraian tentang ruang dan memori dalam proses koreografi. Pengumpulan data yang diperoleh menghuraikan bagaimana ruang dan memori digunakan dalam proses koreografi. Olahan perhubungan ruang dan memori terbentuk bagi membantu proses analisis karya dalam bab seterusnya.

Bab 5: Analisis Karya Tari *Site-Specific*



Bab lima menghuraikan latar belakang koreografer dan proses koreografi bagi

12 karya tari yang telah dipilih. Bab ini turut membincangkan perhubungan antara ruang dan memori dalam proses koreografi secara terperinci yang dapat membentuk kaedah koreografi bagi karya tari *site-specific*. Selain itu, huraian tentang cara proses ini diaplikasikan dalam pengkayaan karya tari *site-specific* turut dibahaskan.

Bab 6: Kesimpulan dan Cadangan

Bab enam yang merupakan bab terakhir mengemukakan hasil kajian serta kesimpulan dan cadangan bagi keseluruhan kajian ini.

